

Tabiat manusia punca kes denggi meningkat

LONGGOKAN tin-tin kosong, bekas plastik dan beberapa tayar lama kenderaan yang diletakkan di hadapan rumah menyakitkan mata setiap kali Nur Zahra mengerlingkan mata ke arah rumah jirannya itu.

Walaupun pernah diminta supaya membersihkan laman rumah kerana bimbang menjadi tempat pembiakan nyamuk atau sarang haiwan liar, namun tidak diendahkan.

Sikap jiran itu yang gemar meletakkan barang-barang lama yang tidak lagi digunakan mengakibatkan laman rumahnya umpama tempat longgokan sampah.

Selain jiran sebelah rumah, ada beberapa orang lagi jiran yang tinggal di deretan sama gemar meletakkan beg plastik berisi sampah di hadapan rumah dengan alasan tiada tong sampah.

Ini menyebabkan beg-beg plastik sampah berkenaan kerap digigit anjing liar yang kemudian menyelongkar menyebabkan sampah sarap bertaburan dan masuk ke dalam longkang.

Minggu lalu, tiga penduduk di kawasan perumahan itu telah dimasukkan ke hospital akibat dijangkiti demam denggi lalu. Kesan kejadian itu, operasi semburan kabus bagi mengawal nyamuk aedes di kawasan tersebut terpaksa dilakukan setiap hari oleh pihak Jabatan Kesihatan.

Susulan kejadian itu juga, pihak persatuan penduduk melancarkan program gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran agar bebas daripada menjadi sarang jentik-jentik.

Realitinya, sikap tidak endah seperti inilah yang menjadi punca mengapa kes demam denggi terus meningkat walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa terutama Kementerian Kesihatan.

Buktinya, sebanyak 72,356 kes denggi telah dilaporkan sepanjang tahun ini berbanding 38,190 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Kes demam denggi yang direkodkan bermula Mei hingga 20 Julai lalu pula meningkat sebanyak 34,166 kes berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

Mengulas perkara ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, peningkatan sebanyak 89 peratus itu turut menyaksikan berlakunya pertam-



bahan jumlah kematian. Menurut beliau, sebanyak 108 kematian dilaporkan pada tahun ini berbanding 61 kematian pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 77 peratus.

"Angka ini memang membimbangkan kerana pada masa sama langkah-langkah kawalan tetap dijalankan sekali gus menuntut kerjasama semua pihak.

"Usaha kolektif dan bersepadu oleh semua pihak ini dapat menjamin kejayaan pencegahan denggi secara berterusan," ujarnya ketika ditemui di Ipoh, Perak baru-baru ini selepas merasmikan Konvensyen Combi, Hari Denggi ASEAN dan Anugerah IPT Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2019.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, Selangor masih merupakan negeri tertinggi dengan merekodkan 40,849 kes melibatkan 35 kematian berbanding 21,648 kes dengan 17 kematian tahun lalu.

Katanya, ini diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan 8,794 kes dan enam kematian, manakala Johor merekodkan 6,057 kes dan 16 kematian.

Sebanyak 72,356 kes denggi telah dilaporkan sepanjang tahun ini berbanding 38,190 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas

"Kementerian akan menggandakan lagi peranan Combi atau Communication for Behavioural Impact yang kini berjumlah 2,761 pasukan yang ditubuhkan seluruh negara.

"Ia dianggotai 80,958 sukarelawan daripada kalangan komuniti sebagai ejen perubahan yang mengamalkan aktiviti pencegahan denggi setiap minggu di kawasan masing-masing," katanya.

Justeru kata Dzulkefly, slogan 'banteras denggi bermula dengan saya', yang menjadi tema sambutan tahun ini adalah bertepatan untuk membuktikan peranan setiap individu dan komuniti amat penting bagi aktiviti pencegahan denggi.

Katanya, tema ini juga selari dengan hala tuju Kementerian Kesihatan dalam pencegahan wabak itu yang memberikan tumpuan kepada peranan individu dan komuniti.

"Orang perseorangan dan komuniti setempat perlu melibatkan diri dalam aktiviti penghapusan tempat-tempat pembiakan aedes serta menjaga kebersihan persekitaran.

"Begitu juga dengan pihak sama ada keluarga, masyarakat, agensi kerajaan, pihak swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah, sektor pembinaan, selebriti mahupun institusi keagamaan.

"Mereka sebenarnya mempunyai peranan masing-masing dalam menangani isu denggi," ujar beliau.

Di akhirnya, semua pihak perlu peka dan saling memahami kerana mencegah itu sebenarnya lebih baik daripada mengubati.

